



**1. JURUTEKNIK MAKMAL  
JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.4-5 EB.6 (\$930 - \$1,850 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji M.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab ke atas ujian makmal (*routine work*).
2. Memastikan kesempurnaan ujian makmal dengan mengawasi kawalan mutu (*quality control*).
3. Membantu menunjuk ajar kakitangan teknikal makmal.
4. Membantu dalam kerja-kerja kajian makmal yang khusus.
5. Memahami kaedah dan prinsip analisis dan peralatan makmal.



6. Bertanggungjawab ke atas penggunaan peralatan makmal dan membantu menjalankan pemeliharaan peralatan berkenaan.
7. Melaporkan kerosakan peralatan makmal dan sebarang kekurangan barang-barang keperluan bekalan makmal.
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.